

***Program UPM  
Melahirkan  
Usahawan Tani***





**U**SAHA melahirkan usahawan muda pertanian bukannya mudah kerana jika tidak kena caranya, segala usaha pasti terhenti separuh jalan kerana kerjaya dalam bidang pertanian sering dianggap tidak menarik selain tiada jaminan masa depan yang cerah. Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi Jabatan Perniagaantani dan Sistem Maklumat, Fakulti Pertanian, bagaimanapun tampil dengan projek terbaru, Inkubasi Usahawantani yang bermatlamat melahirkan usahawan tani berwibawa diketuai Felo Perunding Kanan, Sahbani Saimin yang mengupas inti pati projek terbabit kepada wartawan Varsiti, KHAIRINA YASIN.

### **S** Apakah rasional pengenalan Projek Inkubasi Usahawantani UPM?

**J** Misi melahir dan meramaikan usahawan tani dalam kegiatan hiran industri pertanian sebenarnya bertepatan dengan matlamat kerajaan untuk mengurangkan import makanan dan menggalakkan pengeluaran tempatan. Pelbagai usaha dilakukan untuk menarik minat generasi muda supaya bergiat dalam industri pertanian tempatan, sekali gus menggantikan tenaga kerja sebelum ini yang terikat dengan teknologi dan kaedah pertanian tradisional. Untuk itu, generasi muda wajar diberi kesedaran dan pengetahuan mengenai ilmu pertanian, termasuk berkaitan dengan pemasaran, pengeluaran, mekanisme ladang dan kebun kecil sebagai persiapan generasi muda menceburi dunia keusahawanan tani. Pengenalan Projek Inkubasi Usahawantani selari dengan Pelan Strategik UPM bagi membangunkan bidang pertanian dan satu kertas cadangan kemudian dipanjangkan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Projek berjaya mendapat kelulusan dengan peruntukan

dana dipohon bagi tempoh tiga tahun, namun KPT memutuskan untuk menyalurkan dana secara berperingkat dengan sejumlah RM2.8 juta diberikan untuk fasa pertama ini. Projek Inkubasi Usahawantani ialah satu kursus khas bagi melahirkan usahawan muda pertanian yang berwibawa bagi melaksanakan projek pertanian dan terbuka kepada mahasiswa atau graduan UPM atau luar UPM daripada pelbagai program yang melatih peserta dengan kemahiran usahawan mencakupi teknik perundingan perniagaan, penyediaan laporan dan pelan perniagaan selain syarahan subjek perniagaan dan pendedahan praktikal di ladang. Sebagai permulaan, tiga modul utama ditawarkan di bawah projek ini iaitu Modul Tanaman (Fertigasi), Modul Akuakultur (Ternakan Ikan Talapia) dan Modul Bioteknologi (Pengeluaran Baja Kompas) dengan penyertaan 38 peserta sulung yang dibahagikan kepada tujuh kumpulan. Daripada jumlah itu, 14 peserta mengikuti bidang tanaman fertigasi 'rock melon', 18 (ternakan ikan tilapia) dan enam (pengeluaran baja kompos) dengan 60 peratus peserta adalah individu atau graduan universiti, manakala 40 peratus mahasiswa UPM.



## **S** Pengisian kursus dan output yang ingin dicapai?

**J** Cabaran dalam bidang pertanian cukup hebat dan bukan semua individu mampu berdepan dengan segala keperitan dan kepayahan untuk menjadi usahawan tani yang berjaya. Biarpun peluang sebagai usahawan tani cukup berpotensi, namun kerjaya ini masih tidak dapat menarik perhatian golongan muda, terutama mereka yang tidak gemar berpanas terik, bermandi peluh dan bersusah payah di ladang dan kebun tanaman. Pilihan graduan dan tenaga kerja tempatan masih lagi terikat kepada peluang konvensional seperti bilik berhawa dingin, pakaian kemas bertali leher dan tidak perlu mengeluarkan peluh walaupun pendapatan yang diperolehi tidak seberapa, mungkin juga hanya mampu menampung keperluan hidup saja. Kekangan itu kita cuba atasi dengan menyediakan kursus lengkap yang bukan saja mendedahkan input keusahawanan, malah membina atribut atau kemahiran perundingan, komunikasi, jati diri, motivasi dan keazaman tinggi untuk menjadi usahawan tani yang berjaya. Modul kursus dibangunkan kumpulan pakar pertanian di UPM dengan mengambil kira segala keperluan demi memastikan sasaran dan matlamat kursus dapat dicapai. Proses pemilihan peserta cukup ketat menerusi sesi temu duga bagi menilai minat dan kecenderungan masing-masing selain memastikan hanya peserta yang layak ditawarkan mengikuti kursus ini. Setiap peserta diberi modal bagi memulakan projek secara komersial mengikut bidang masing-masing, malah mereka juga dibimbing bermula daripada penyediaan kertas projek, pelaksanaan hinggalah pemantauan dan pemasaran. Pengisian secara teori diberikan menerusi sesi kuliah di dewan fakulti, manakala aplikasi secara praktikal dilaksanakan di ladang. Peserta juga berpeluang berkongsi pengalaman dengan pihak swasta yang turut berperanan sebagai rakan strategik yang menawarkan perkhidmatan perundingan atau sebagai 'mentor' kepada peserta.

## **S** Kelainan program ini dan sejauh mana ia memberi impak kepada usahawan itu sendiri?

**J** Usaha itu ialah sebahagian daripada program untuk melatih mahasiswa bidang pertanian dan mereka yang berminat boleh meneruskannya selepas tamat pengajian mengkhusus kepada perniagaan berskala lebih besar. Sasaran kita ialah mewujudkan komuniti tani dalam kalangan mahasiswa terbabit sepenuhnya bermula daripada kerja penanaman atau penternakan hingga memproses produk hiliran dan selanjutnya. Apa yang menarik mengenai program ini ialah ia terbuka kepada mahasiswa daripada semua bidang pengajian, malah individu luar universiti asalkan mereka berminat dalam bidang pertanian dan keusahawanan yang juga dilihat mampu membuka peluang untuk menanam minat keusahawanan dalam kalangan mahasiswa. Kita tidak boleh lagi melihat sektor pertanian semata-mata sebagai pertanian sebaliknya sebagai satu entiti perniagaan. Apabila kita mengiktiraf pertanian sebagai perniagaan, mereka yang terbabit dalam sektor pertanian perlu mengubah sikap dan cara pemikiran yang tidak berani untuk berdikari serta kurang bersemangat keusahawanan kepada sikap berinovatif, berani mengambil risiko dalam mencuba idea dan teknologi baru. Inilah sasaran kita untuk melahirkan generasi usahawan tani yang berani, berwibawa dan mempunyai keazaman tinggi untuk berjaya.

## **S** Perancangan jangka panjang jika projek diteruskan pada masa depan dan usaha penambahbaikan yang bakal dilaksanakan.

**J** Kita akan pastikan setiap peserta mengetahui apakah faedah dan manfaat yang mereka peroleh apabila menyertai program ini dan sejauh mana dapat memajukan mahupun memperkembangkan projek yang bakal diusahakan itu terutama selepas tamat kursus kelak. Kursus ini sudah berlangsung selama tiga bulan dan kita jangkakan tidak lama lagi peserta bakal memperoleh hasil projek masing-masing dengan keuntungan akan dibahagi sama rata bagi setiap ahli kumpulan. Setiap peserta bebas menentukan hala tuju dan kesinambungan projek masing-masing apabila tamat kursus kelak, sama ada mahu menubuhkan syarikat sendiri atau mengusahakannya secara kecil-kecil sehingga mereka yakin dengan keupayaan mengembangkan perniagaan tani masing-masing. Berdasarkan pemerhatian, kita dapat lihat potensi dan bakat peserta dalam projek ini dan kita yakin mereka mampu berjaya pada masa depan. Dari segi pengisian kursus, kita perlu ada usaha penambahbaikan bagi projek akan datang dan pada masa sama kita juga menyusun beberapa modul baru yang bakal ditawarkan, antaranya Modul Ternakan Ayam dan Kambing, Modul Perdagangan, Modul Pengeluaran dan Pemrosesan Makanan serta Modul Alam Sekitar. Bagi menarik generasi muda menjadi usahawan tani moden, persediaan ke arahnyanya perlu diperkemas dan dipertingkatkan supaya industri tampak menarik pada pandangan anak muda. Kita perlu peka kepada minat dan tarikan generasi muda jika mahu mereka terdorong untuk mengikuti apa saja usaha yang kita jalankan dan paling penting, output yang diharapkan dapat dicapai sebaik mungkin.



**Cabaran dalam bidang pertanian cukup hebat dan bukan semua individu mampu berdepan dengan segala keperitan dan kepayahan untuk menjadi usahawan tani yang berjaya.**